



Noor  
Mohammad  
Shakil  
Hameed

Keputusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2016 yang diumumkan baru-baru ini menunjukkan kita tidak ketandusnya anak muda yang hebat dan cemerlang. Jelasnya masih ramai mampu memperoleh keputusan cemerlang misalnya merekodkan Gred Purata Nilai Kumulatif (GPNK) 4.00 bagi STPM mahupun mencatatkan keputusan cemerlang semua A+ di peringkat SPM.

Maka persoalan seterusnya apa hala tuju masa depan anak ini? Kejayaan cemerlang ini tidak akan membawa sebarang makna andai ibu bapa gagal mengurus dan menentukan hala tuju yang jelas untuk anak masing-masing. Ringkasnya ibu bapa perlu bijak mengurus kecemerlangan anak supaya ada kesinambungan jelas dan konsisten. Hal ini penting kerana terdapat sebilangan pelajar cemerlang di peringkat STPM dan SPM, tetapi gagal meneruskan rentak kecemerlangan tersebut apabila mula memasuki menara gading. Malah, ada juga berjaya di peringkat universiti dengan keputusan cemerlang tapi gagal pula memperoleh peluang pekerjaan yang diharapkan.

Justeru penulis ingin mengambil kesempatan ini untuk mengesyorkan kepada ibu bapa yang mempunyai anak cemerlang ini jangan terlalu ghairah dan teruja dengan kejayaan dalam STPM dan SPM kerana ia sebenarnya hanyalah bersifat sementara dan platform untuk ke tahap lebih tinggi. Perlu ingat masa depan dan hala tuju anak baru hendak bermula. Maka kita perlu lebih berhati-hati supaya tidak menyesal kemudian hari.


Antara aspek penting perlu diberi perhatian sekarang ialah pemilihan bidang pengajian bersesuaian untuk anak menyambung pengajian masing-masing. Dalam hal ini ada dua isu penting iaitu pertama kursus yang hendak diikuti dan kedua institusi pengajian tinggi (IPT) yang

hendak dimasuki. Kedua-duanya mempunyai hubungan signifikan yang rapat dan penting. Dari segi kursus pengajian misalnya kebanyakannya ibu bapa mahukan anak mengikuti bidang mereka pilih dan bukannya bidang yang anak minati. Ini satu konflik dan dilema berpanjangan dalam masyarakat kita.

Walaupun ibu bapa mempunyai hak untuk merancang dan menentukan hala tuju anak, tetapi perlu diingat anak juga ada hak dan minat masing-masing dalam menentukan masa depan mereka. Malah, perlu ingat semua anak memiliki minat, kemahiran dan keupayaan berbeza-beza. Misalnya kita tidak wajar memaksa anak kita mengikuti bidang perubatan andai dia lebih berminat dalam bidang ekonomi mahupun perakaunan. Jika ini berlaku kita khuatir anak akan belajar dalam keadaan cukup tertekan dan sekadar memenuhi impian dan harapan ibu bapa semata-mata dan bukannya sepenuh jiwa dan raga untuk masa depannya.

Jadi apa yang penting ibu bapa dan anak perlu berbincang sebelum memilih bidang pengajian bersesuaian. Jangan memilih sesuatu bidang hanya kerana ibu bapa mahukan atau kerana ia popular, glamor mahupun dalam keadaan terpaksa. Juga jangan tersalah pilih bidang yang difikirkan mungkin mudah untuk skor keputusan cemerlang, tetapi dari segi keperluan pasaran ia ketinggalan jauh, ini pastinya akan merugikan masa depan anak kita. Secara umumnya, pemilihan sesuatu bidang pengajian perlulah mengambil kira beberapa faktor penting seperti minat anak yang akan mengharungi pengajian itu, keperluan bidang itu untuk masa depan negara kita serta sejahterananya bidang itu mampu berkembang dan menjanjiakan masa depan baik kepada diri dan keluarga.

Dalam pada itu pemilihan IPT bersesuaian juga faktor cukup penting. Bagi ibu bapa berkemampuan mungkin sudah mula mencongak peluang untuk menghantar anak mereka menyambung pengajian di IPT tersohor di luar negara atau paling tidak pun di IPT swasta dalam negara. Yang lain sabar menanti keputusan universiti awam. Walau apapun pilihan kita hebatnya baik dari segi kedudukan mahupun bidang



## Usah tentang pilihan anak



pastikan kita memilih IPT yang betul, diiktiraf dan mempunyai rekod yang baik.

Cuma dalam konteks ini, harus diingat universiti awam kita juga tidak kurang hebatnya baik dari segi kedudukan mahupun bidang

pengajian yang ditawarkan. Bukti keputusan badan penarafan antarabangsa menunjukkan beberapa universiti awam berjaya mencatatkan kedudukan yang cukup cemerlang di peringkat antarabangsa baik

ranking secara keseluruhan mahupun mengikut subjek pengajian yang ditawarkan. Justeru penulis berpesan kalau boleh utamakanlah universiti awam yang turut menawarkan pelbagai bidang pengajian dengan kualiti

ekosistem pendidikan tinggi yang sangat menarik.

Akhirnya penulis percaya jika kita bijak menggabungkan pilihan kursus pengajian yang betul dan tepat dengan universiti hebat masa depan dan hala tuju anak kita pasti lebih cerah dan terjamin.

Kita juga tidak boleh melupakan nasib anak yang mencatatkan prestasi kurang memberangsangkan baik dalam STPM mahupun SPM. Sekali lagi persoalannya apa pula hala tuju golongan kurang berjaya ini? Apakah kita hanya membiarkan mereka menentukan nasib sendiri yang akhirnya boleh menghancurkan masa depan mereka? Jelas di sini ibu bapa perlu terus memainkan peranan bagi memastikan golongan kurang berasib baik ini juga terus dibela dan diberikan peluang kedua yang sewajarnya.

Pada hari ini pihak kerajaan menyediakan pelbagai peluang pengajian vokasional dan teknikal ataupun ringkasnya berbentuk kemahiran.

Bincanglah elok-elok dengan anak kita dan pilih satu kursus kemahiran yang boleh membantu mereka membina masa depan yang lebih baik. Jangan biarkan mereka terus meratapi kegagalan dalam peperiksaan lalu kerana gagal sekali bukan bererti gagal selamanya. Mereka masih ada banyak ruang dan peluang untuk berjaya dalam kehidupan asalkan diberikan dorongan dan motivasi secukupnya.

Bagi kurang berminat untuk meneruskan pengajian, termasuk dalam bidang kemahiran pula wajar dibantu untuk menceburi bidang keusahawanan. Sekali lagi pihak kerajaan menyediakan pelbagai platform, termasuk bantuan pinjaman kewangan untuk anak muda memulakan perniagaan secara kecil-kecilan. Justeru, bagi penulis sepatutnya golongan belia tiada lagi alasan untuk terus berjaya membina masa depan yang lebih baik walaupun kurang cemerlang dalam bidang akademik.

Apa yang penting sekarang ialah sejauh mana ibu bapa dapat memainkan peranan secara bijak dalam membantu anak masing-masing baik yang cemerlang mahupun kurang berasib baik dalam menentukan hala tuju dan membina masa depan lebih baik. Ingat, anak ibarat kain putih, ibu bapalah yang akan mencorakkannya.